

Headline	Penagih dadah makin meningkat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	8	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	255 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,049



Penagih dadah makin meningkat

SITI FATIHAH AWANG

KOTA BHARU - Jumlah penagihan dadah melibatkan rakyat negara ini semakin meningkat tahun lalu melibatkan 30,847 kes berbanding 26,668 kes pada 2015.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Masir Sujat berkata, jumlah itu juga melibatkan penagih baharu iaitu 22,925 kes tahun lalu dan 20,281 kes pada 2015.

"Walaupun pelbagai usaha dilakukan bagi memeranginya, namun ia masih di tahap membimbangkan. Malah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sentiasa pantau dan jalankan tanggungjawab menangani serta mencegah gejala dadah.

"Walaupun ia sukar dicapai kerana bekalan dadah boleh diperolehi melalui negara jiran, namun kita akan tingkatkan lagi penguatkuasaan di sempadan negara," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah

(MTMD) Negeri Kelantan 2017, di sini.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), Datuk Makhtar Mustapha dan Ketua Polis Kelantan, Datuk Dr Ab Rahman Ismail.

Masir berkata, walaupun jumlah itu menunjukkan trend semakin meningkat, namun ia bukanlah sesuatu yang mudah dibendung terutama melibatkan negeri-negeri yang berada di kawasan sempadan seperti Kelantan.

Sementara itu katanya, di Kelantan sahaja, peningkatan penghidap HIV disebabkan hubungan tidak sihat iaitu hetroseksual dan homoseksual juga turut menunjukkan angka membimbangkan.

"Kita lihat maklumat untuk dua tahun pertama sejak akhir-akhir ini, pada 2015, seramai 40 mangsa HIV dicatatkan melibatkan kes hetroseksual dan 10 kes melibatkan

homoseksual.

"Manakala tahun lalu, peningkatan berlaku hampir 50 peratus apabila penghidap HIV (hetroseksual) meningkat kepada 40 kes dan homoseksual 20 kes.

"Banyak faktor mempengaruhi perkara ini berlaku dan secara umumnya, ia dikaitkan dengan tabiat seseorang itu sendiri. Memang perkara ini amat serius dan kita risau ia akan lebih memudaratkan. Ini trend baharu pesakit HIV, selain daripada jangkitan biasa yang kita ketahui," katanya.

Menurutnya, semua pihak perlu berganding bahu membanteras gejala tersebut daripada terus berleluasa, terutamanya badan-badan berkaitan.

Untuk rekod, bermula 2001 hingga 2016, 11,663 kes dicatatkan melibatkan pesakit HIV di Kelantan termasuk 2,255 kematian disebabkan olehnya, dan 9,818 pesakit masih hidup.



Masir (dua, kanan) ketika sidang media, semalam.